

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : OCBC Bank sumbang meja dan kerusi kepada SMK Pujut
Date : 24 September 2026
Section : Tempatan
Page : 8



OCBC Bank sumbang meja dan kerusi kepada SMK Pujut

MIRI: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pujut menerima sumbangan 80 set meja dan kerusi serta 30 bangku luar daripada OCBC Bank (Malaysia) Berhad bagi menggantikan perabot lama dan rosak, selain menambah kemudahan tempat duduk pelajar.


Sumbangan menerusi program #OCBCCares Adopt-A-School itu dilaksanakan dengan kerjasama Kelab Lions Batu Niah dan memberi manfaat kepada kira-kira 2,500 pelajar.

Presiden kelab Andy Jong Wan Joon berkata, jumlah pelajar yang ramai dengan majoritinya daripada keluarga B40, menjadikan kemudahan sekolah yang selesa dan mencukupi antara keperluan penting.

Katanya, meja dan kerusi baharu menyediakan ruang pembelajaran yang lebih selesa, manakala bangku luar boleh digunakan pelajar ketika waktu rehat, antara kelas dan untuk berinteraksi bersama rakan.

Tambahnya, sumbangan itu mencerminkan kerjasama antara pihak korporat, organisasi masyarakat dan sekolah dalam mengenal pasti serta memenuhi keperluan komuniti setempat.

Sementara itu Pengetua Ha Pick Yieng berkata, pihak sekolah menghargai sumbangan itu kerana membantu



INISIATIF: Wakil OCBC Bank, Kelab Lions Batu Niah dan Ha bersama guru dan para pelajar pada program sumbangan perabot dan bangku luar di SMK Pujut, Miri Sabtu lalu.

menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa kepada pelajar.

Beliau berkata, selain 80 set meja dan kerusi serta 30 bangku luar, program itu turut menyediakan saringan dan penjagaan mata secara percuma kepada kira-kira 200 pelajar.

Menurutnya, kemudahan baharu itu bukan sahaja digunakan untuk pembelajaran, malah menyediakan ruang kepada pelajar untuk berehat dan berinteraksi

dalam kehidupan seharian di sekolah.

Ha berkata, pelajar turut diingatkan supaya menjaga kemudahan disediakan dengan baik dan menggunakannya secara bertanggungjawab.

Program itu adalah sebahagian daripada inisiatif #OCBCCares Adopt-A-School yang dilancarkan OCBC pada awal tahun ini dengan komitmen tahunan RM1 juta bagi menyokong 40 sekolah di seluruh negara.

SMK Pujut merupakan antara sekolah yang menerima manfaat menerusi inisiatif itu yang memberi tumpuan kepada sokongan terhadap keperluan sekolah dan kesejahteraan pelajar.

Kerjasama antara OCBC Bank, Kelab Lions Batu Niah dan SMK Pujut itu turut mencerminkan usaha bersama dalam menambah baik kemudahan pembelajaran serta ruang komuniti untuk kegunaan pelajar.